

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

5 DISEMBER 1986

KONVOKESYEN PERTAMA EKSEKUTIF *MASTER OF BUSINESS ADMINISTRATION (MBA)*

Pada 5 Disember 1986 telah diadakan majlis Konvokesyen Pertama Eksekutif MBA di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Majlis ini merupakan konvokesyen khas bagi program usahasama Institut Teknologi MARA (ITM) dan Ohio University dalam kursus *Executive Master of Business Administration (MBA)* yang telah berjaya melahirkan seramai 32 orang graduan. Antara tetamu-tetamu jemputan khas yang hadir ialah Y.Bhg Tan Sri Dato' Sallehuddin Mohamad, Pengerusi Majlis ITM, Prof. Charles J. Ping, President Ohio University, Ahli-Ahli Majlis ITM, Dr. Hj. Mohd. Mansor Hj. Salleh, Pengarah ITM, Naib Canselor Universiti-Universiti tempatan serta Pegawai-Pegawai Kanan ITM.



Prof. Charles J. Ping, President Ohio University telah menyampaikan ijazah sarjana kepada graduan

Sumber:

- Berita ITM 1986, Nov- Dis Bil 4
- Konvokesyen Ohio Universiti / ITM yang Pertama (Buku).
- Koleksi gambar Jabatan Arkib Universiti